

AL-HIKMAH

Jilid	13	ISSN 1985-6822	2021M
--------------	-----------	-----------------------	--------------

No.	2	1443 H
------------	----------	---------------

- TESIS PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRUṢĪ MENURUT: ULASAN KRITIKAL TERHADAP DAKWAAN DALAM ISU-ISU TASAWUF ...3-34
Abdullah Zawawi Mohd Zawawi, Muhammad Ayman Al-Akiti, Ahmad Arif Zulkefli & Zainul Abidin Abdul Halim
- CABARAN KELESTARIAN PELAKSANAAN PIAWAIAN MS 1900 (SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH) DI KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA ...35-61
Hasan Al-Banna Mohamed, Siti Arni Basir, Noor Azmi Mohd Zainol, Mohd Hamran Mohamad, Norashikin Sahol Hamid
- SUMBANGAN KARYA DAN INTERAKSI DAKWAH ^cABDULLAH AL-GHUMARI ...62-79
Muhammad Zulhelmi Sidek & Latifah Abdul Majid
- MEDIA QUALITIES AND PREFERENCES IN DA'WAH AMONG MUSLIM CONVERTS IN BORNEO ...80-101
Salinayanti Salim
- ULASAN BUKU/BOOK REVIEW ...102-107
Badlihisham Mohd Nasir & Nur Shafiqah Badlihisham

Sumbangan Karya dan Interaksi Dakwah ‘Abdullah al-Ghumari

The Contribution of Writings and Da’wah Interactions of ‘Abdullah Al-Ghumari

MUHAMMAD ZULHELMI SIDEK & LATIFAH ABDUL MAJID

ABSTRAK

Dakwah atau usaha menyeru manusia ke jalan Allah merupakan kewajiban ke atas umat Islam. Salah satu daripada cabang dakwah adalah melalui penulisan dan pengkaryaan. Ia merupakan tradisi para ulama menyebarkan ilmu pengetahuan melalui medium tersebut. ‘Abdullah al-Ghumari (w.1993) merupakan tokoh dan digelar al-Mutafannin (*polymath*) kerana penguasaan dan penulisan yang mencakupi pelbagai bidang ilmu Islam. ‘Abdullah al-Ghumari telah berperanan sebagai tokoh yang responsif dan progresif terhadap isu-isu semasa yang mewarnai kehidupan umat Islam menerusi penulisannya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan ‘Abdullah al-Ghumari daripada perspektif perkaryaan dan penglibatan dakwahnya. Reka bentuk kualitatif diaplikasikan dalam artikel ini dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan berfokuskan kepada kumpulan karya-karya ‘Abdullah al-Ghumari dan disokong dengan beberapa literasi biografi dan bibliografi mengenai beliau. Seterusnya, data yang diperoleh dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif dan tematik. ‘Abdullah al-Ghumari telah menghasilkan karya dalam pelbagai tema dan kategori; antaranya menjawab persoalan semasa, mengkritik fatwa dan merungkai kebatilan dalam usaha menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan golongan. Interaksi beliau dengan masyarakat sama ada bersama para ilmuan atau generasi belia dapat dilihat menerusi hasil pengkaryaan. Kepentingan kajian ini adalah dapat memperkenalkan kepada umum tentang sumbangan karya dan interaksi dakwah ‘Abdullah al-Ghumari dalam lapangan umat sekali gus membuka tirai kajian lanjutan buat ahli akademik mendatang.

Kata kunci: Karya, ‘Abdullah al-Ghumari, dakwah, interaksi, prolifik, responsif.

ABSTRACT

Da’wah or efforts to guide mankind to Allah are obligation to all Muslims. One of the divisions of da’wah methods is through writing. It is a tradition of scholars to disseminate knowledge through that medium. ‘Abdullah al-Ghumari (w.1993) is a figure and he was called by others as al-mutafannin (*polymath*) because of his mastery and writing which covers various fields of Islamic knowledge. Abdullah

al-Ghumari came to serve as a responsive and progressive figure on current issues that occurred in the lives of Muslims through his writings. This study aims to identify the role of Abdullah al-Ghumari from the perspective of his writings and da'wah involvement. Qualitative designs were applied in this article using a content analysis approach that focused on the group of writings of Abdullah al-Ghumari and supported by several biographical and bibliographical literacies that related to him. Next, the data that obtained in this study was analysed descriptively and thematically. Abdullah al-Ghumari has written in various themes and categories; answering current issues, criticising fatwas, exposing falsehoods in order to spreading his da'wah to a society of various backgrounds and groups. His interaction with the community, either with the scholars or the younger generation can be seen through his writings. The importance of this study is introduced to the public about Abdullah al-Ghumari's writing contributions and da'wah interactions in the field of ummah as well as open up further research opportunities to others academicians.

Keywords: *Writings, Abdullah al-Ghumari, da'wah, interaction, prolific, responsive.*

Received: 24 September 2021
Accepted: 17 December 2021

Revised: 7 December 2021
Published: 30 December 2021

PENGENALAN

Dakwah merupakan satu usaha untuk mendorong manusia kepada kebajikan dan hidayah. Secara implisitnya dakwah itu bermaksud mengajak manusia kepada perkara kebaikan dan mencegah kepada perkara kemungkaran agar umat ini memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat (al-Bayanuni, 2010). Allah SWT berfirman berkenaan seruan dakwah ini di dalam Surah Al Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (١٠٤)

Terjemahan: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”. (Al ‘Imran 3: 104).

Berdasarkan firman Allah SWT tersebut, secara literalnya menatijahkan kewajiban ke atas sebahagian umat Islam untuk melaksanakan usaha dakwah tanpa mengehadkan metode yang tertentu. Salah satu daripada medium penyampaian dakwah Islam adalah dengan menggunakan penulisan. Para ulama zaman berzaman telah mencontohkan dakwah penulisan (*al-da'wah bi al-kitabah*) dalam kehidupan mereka. Mereka menulis banyak karya dalam pelbagai bidang ilmu agar manfaatnya dapat disebar luaskan dalam kalangan masyarakat yang melintasi garis zaman (Nurhafiza et al., 2014). Walau bagaimanapun, telah muncul dakwaan oleh musuh Islam tentang periwayatan ilmu Islam hanya melalui hafalan tanpa melalui proses penulisan lebih daripada seratus tahun. Persepsi tentang perkara ini berlarutan sehingga kurun ke-5 dengan kedatangan Khatib al-Baghdadi yang mengarang sebuah kitab yang dinamakan *Taqyid al-Ilm* menjawab polemik ini sekali gus mengubah tanggapan negatif terhadap perkembangan ilmu Islam (Mohd Muhiden, 2004).

Penulisan merupakan antara cara yang paling efektif untuk memindahkan ilmu yang terhimpun dalam benak fikiran dan “berbicara” dengan manusia lain tanpa mengira jarak dan sempadan (Zafir Jab'an, 2011). Pengamalan penulisan ilmu merupakan tradisi sejak zaman Rasulullah dan ianya bakal menjadi legasi buat generasi seterusnya. Perkara ini telah direkodkan di dalam Surah al-Maidah ayat 35:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (٣٥)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya dan berjuanglah pada jalan Allah supaya kamu beroleh kejayaan (al-Maidah 5:35).

Ayat al-Quran tersebut mengisyaratkan tentang perkaitan di antara penyebab (musabbab) untuk mencapai sesuatu tujuan dan suruhan untuk memanfaatkan jalan atau metode tertentu (wasilah). Berstrategi dalam memanfaatkan pena penulisan merupakan suatu keutamaan dalam mencapai kemuncak tujuan dakwah (Nurhafiza et al., 2014). Jika hafalan dianggap sebagai cara penyimpanan maklumat dan ilmu Islam secara dalaman (*internal*), maka penulisan pula merupakan cara pemeliharaan dan penyampaian ilmu Islam secara luaran agar dapat memberi manfaat buat generasi mendatang (*external*). Al-Quran telah mengisyaratkan metode ini secara tidak langsung menerusi tema *Iqra'* sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Alaq (96:1) dan *al-Qalam* seperti yang terdapat dalam surah al-

Qalam (68:1) yang seterusnya membawa kepada tuntutan pembacaan dan gerak kerja penulisan (Nurhafiza et al., 2014). Gerak kerja penulisan itu pula perlu disulami dengan beberapa strategi sokongan untuk mendatangkan kesan yang maksima dan dapat mempengaruhi pembaca (*mad'u*). Antaranya ialah penulisan yang bertemakan soal jawab dan maklum balas serta penulisan yang berbentuk galakan (*targhib*) dan ancaman (*tarhib*) (Ahmad Zahiruddin & Ahmad Faisal, 2014). Justeru itu, cAbdullah al-Ghumari (w.1993) merupakan antara tokoh abad ke-19 yang terkehadapan mengaplikasikan metode penulisan dalam penyebaran ilmu sehingga digelar ulama yang prolifik atas faktor penghasilan karyanya yang banyak dan pelbagai.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan artikel ini menggunakan metodologi kajian kualitatif sebagai teras utama dan reka bentuk kajian adalah berfokus kepada analisis dokumen. Data atau maklumat diperoleh daripada literasi kepustakaan dan literasi kesusasteraan (Ahmad Munawar & Nor Shahizan, 2017). Kaedah menganalisis data yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah dengan meneliti secara mendalam terhadap rekod bertulis melalui himpunan karya cAbdullah al-Ghumari yang telah dikumpul menjadi sebuah ensiklopedia yang dinamakan *Mausu'ah al-cAllamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Syarif cAbdullah bin Muhammad bin Siddiq al-Ghumari al-Hasani*. Data tersebut dibincangkan dan dirumuskan untuk mengenal pasti sumbangan cAbdullah al-Ghumari dalam karya penulisan dan interaksi dakwahnya dalam mengukuhkan legasi Ahli Sunnah wal Jamaah.

mengenai karya dan penulisan al-Ghumari serta disokong dengan be

PENGENALAN RINGKAS cABDULLAH AL-GHUMARI

cAbdullah al-Ghumari merupakan seorang penulis yang prolifik bersandarkan kepada sumbangan dan keaktifan penglibatannya kepada masyarakat (Suheil, 2007). Menurut al-Jabbari (2011), sumber rujukan tentang biografi cAbdullah al-Ghumari boleh dibahagikan kepada dua iaitu penulisan peribadi dan penulisan anak murid beliau. Sumber peribadi yang dimaksudkan adalah memoir beliau sendiri iaitu *Sabil al-Taufiq fi Tarjamah cAbdullah bin Siddiq* dan dicatat juga pada karya beliau *Bida' al-Tafasir* (al-Ghumari, 2016). Syeikh Mahmud Sa'id Mamduh (2016) berpendapat bahawa rujukan berkaitan beliau boleh ditelusuri menerusi penulisan anak murid cAbdullah al-Ghumari juga, seperti *Irtishaf al-Rahiq min Asanid cAbdullah bin Siddiq* dan *cAbdullah bin Siddiq al-Ghumari al-Hafiz al-Naqid*.

Nama dan Nasab

‘Abdullah al-Ghumari atau nama lengkapnya Abdullah bin Muhammad bin Siddiq bin Ahmad bin Muhammad bin Qasim bin Muhammad bin Abdul Mu’min al-Hasani al-Idrisi al-Ghumari al-Tanji. Beliau dilahirkan di kota Tanjah Utara Maghribi pada bulan Jamadil Akhir atau awal bulan Rejab tahun 1328H/ 1910M (Farouk Hamadah, 2005). Susur galur keturunan beliau adalah sampai kepada Saidina ‘Ali dan Saidatina Fatimah al-Zahra binti Rasulullah SAW (al-Ghalbazuri, 2001). Bapanya Muhammad bin Siddiq merupakan ulama besar di Maghribi yang menguasai pelbagai bidang ilmu Islam sementara ibunya merupakan cucu daripada keluarga Ahmad bin ‘Ajjibah yang merupakan tokoh berpengaruh di Maghribi yang mengarang kitab *Iqaz al-Himam fi Syarh Hikam*. ‘Abdullah al-Ghumari telah wafat pada 19 Syaaban 1413H bersamaan 11 Februari 1993M, selepas lebih 2 bulan terlantar sakit di atas katil ketika berumur 83 tahun (al-Jabbari, 2011).

Guru dan Pelajar

Penguasaan ‘Abdullah al-Ghumari dalam segenap bidang keilmuan terbina daripada bimbingan guru-guru sama ada ketika beliau berada di tempat kelahirannya iaitu Tanjah atau ketika kembara ilmu di al-Qarawiyyin, Fez dan al-Azhar, Mesir (Suheil Laher, 2007). Beliau telah mendapat pendidikan awal daripada bapanya iaitu Sayyid Muhammad bin Siddiq al-Ghumari dan abang kandungnya iaitu Sayyid Ahmad al-Ghumari. Sebelum beliau berangkat ke Fes, beliau berkesempatan berguru dengan beberapa orang guru di kampung halamannya seperti Syeikh Sayyid ‘Abdul Karim al-Barraq, Syeikh Muhammad al-Andalusi al-Masuri dan sepupunya Syeikh Muhammad bin ‘Abdul Samad (al-Jabbari, 2011).

Interaksi ‘Abdullah al-Ghumari dengan para ilmuan di sekelilingnya telah bermula seawal usia muda sehinggalah umurnya dewasa. Permusafiran ilmu beliau ke Fez pada tahun 1926M menemukan dirinya dengan guru-guru terkenal dan seterusnya dapat mengambil manfaat ilmu daripada mereka seperti Syeikh al-Habib al-Muhaji, Syeikh Ahmad bin al-Taib al-Qadiri, Syeikh Muhammad al-Sanhaji, Syeikh Ahmad bin al-Jilani, Syeikh Abdullah al-Fudhaili, Sayyid Hassan al-‘Iraqi, Sayyid Abdul Hayy al-Kattani dan Syeikh al-‘Abbas al-Bannani (al-Ghumari, 2016). Institusi al-Qarawiyyin merupakan institusi yang melahirkan ramai tokoh masyhur seperti Abu al-Hasan al-Shadhili, Ibn al-‘Arabi al-Hatimi, Ibn Khaldun dan al-Zarruq (Suheil Lahir, 2007). Pada tahun 1930M beliau dibenarkan oleh bapanya untuk berkelana ke Mesir menuntut ilmu. Di Mesir beliau berguru dengan Syeikh ‘Imran, Syeikh ‘Abdul Qadir al-Zintani al-Tarabulusi, Syeikh Muhammad Hasanayn Makhluuf, Syeikh Hamid Jad, Syeikh Mahmud al-Mansuri al-Hanafi, Syeikh ‘Abdul Majid al-Syarqawi, Syeikh Muhammad

Bakhit al-Muti^{ci}, Syeikh Zahid al-Kauthari, Syeikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti, Syeikh Muhammad bin Muhammad Khalifah, Syeikh Muhammad Duwaidar al-Kufrawi, Syeikh cAbdul Majid Tamum dan Sayyid Muhammad Ibrahim al-Bablawi (al-Ghalbazuri, 2001). Bukan sekadar itu, cAbdullah al-Ghumari juga mempunyai guru daripada kalangan wanita iaitu Sayyidah Aminah bin cAbdul Jalil al-Dharra al-Dimashqiyyah.

Selain daripada Tanjah, Fez dan Mesir, cAbdullah al-Ghumari juga berguru dengan intelektual daripada Hijaz, Tunisia, Libya, Iraq, Syam dan Yaman. Perkara ini berlaku dalam beberapa situasi sama ada (1) cAbdullah al-Ghumari datang ke negara tersebut, (2) ulama tersebut datang ke tempat beliau ataupun (3) beliau saling mengutus surat (*mukatabah*) untuk memperolehi faedah ilmu. Antara guru tersebut adalah Syeikh cUmar bin Hamdan al-Mahrasi, Syeikh cAbdul Qadir al-Shalabi dan Syeikh Muhammad cAbdul Baqi al-Laknawi. Syeikh Tahir bin cAshur, Malik Idris al-Sanusi, Sayyid Hubbatullah al-Husaini, Syeikh Muhammad Sa'id al-Farra, Syeikh Badruddin al-Dimashqi, Syeikh Taufiq al-Ayyubi, Syeikh Muhammad Raghbi al-Tabbakh, Syeikh Abdul Wasi^c al-San^cani, Syeikh Muhsin Bahrabah dan Sayyid Muhammad Zubarah al-San^cani (al-Jabbari, 2011).

cAbdullah al-Ghumari meninggalkan legasi keilmuan yang memberi kesan besar terhadap dakwah Islam pada era moden ini. Beliau memberi khidmat bakti mengajarkan ilmu di Ruwaq Abbasi di Al-Azhar dan Zawiyah al-Siddiqiyyah di Tanjah yang dihadiri oleh murid daripada segenap belahan dunia Islam. Antara tokoh yang beliau lahirkan adalah cAbdul Fattah Abu Ghuddah, Sayyid al-Muntasir al-Kattani, Muhammad cAwwamah, cAli Jum'ah al-Misri, Soleh al-Ja^cfari, Farouk Hamadah, Muhammad Hamid al-Hamawi, Hassan al-Batanuni, Mahmud Sa'id Mamduh dan Sayyid Hassan al-Saqqaf (al-Jabbari, 2011). Semua murid utama cAbdullah al-Ghumari kini memainkan peranan dalam mengukuhkan dakwah Ahli Sunnah wal Jamaah.

Gelaran, Ketokohan dan Keilmuan

Gelaran yang paling masyhur dalam kalangan ulama adalah gelaran yang diberikan oleh diri beliau sendiri iaitu Abu al-Fadl. Beliau memilih gelaran itu kerana ia merupakan gelaran bagi tiga orang tokoh hadith yang ulung pada zaman silam iaitu al-cIraqi, al-Suyuti dan Ibn Hajar (al-Ghalbazuri, 2001). Kemudian, abang kandung kepada cAbdullah al-Ghumari iaitu Sayyid Ahmad al-Ghumari pula menggelarkan beliau sebagai Abu al-Majd di dalam kitabnya *Subhat al-cAqiq* (al-Ghumari, 2016).

Di samping itu, ketokohan dan kedudukan ilmu cAbdullah al-Ghumari mendapat pujian serta pengiktirafan oleh ulama yang sebaris dengannya dan

juga termasuk daripada kalangan anak muridnya sendiri. Pertama, bapanya yang merupakan guru terawal beliau menggelarkan ‘Abdullah al-Ghumari sebagai *tuhfah* iaitu kemenjadian yang istimewa (*masterpiece*). Kemudian, Syeikh ‘Abbas al-Banani memujinya dan mengiktiraf kemampuan ilmunya diikuti ungkapan Syeikh ‘Abdullah al-Fudaili bahawa tiada ulama yang seperti ‘Abdullah al-Ghumari di al-Qarawiyyin. Kredibiliti yang ada pada diri beliau juga diyakini sehingga diberi jolokan sebagai *al-muhaddith*, ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Syeikh al-Hafiz al-Tijani bahawa ‘Abdullah al-Ghumari merupakan *Kanz al-Sunnah* (Pembendaharaan Sunnah). Sebagai seorang ulama prolific, ‘Abdullah al-Ghumari telah menjadi rujukan orang sekelilingnya, al-Ustadh al-Bahi al-Khauili memujinya sebagai seorang yang cekap dalam menjawab persoalan iaitu persoalan yang ajukan mampu dijawab secara terus dan spontan tanpa perlu menunggu lama lantaran penguasaan ilmunya yang mencurah-curah (al-Ghumari, 2016).

‘Abdullah al-Ghumari mempunyai murid yang ramai daripada negara-negara dalam setiap belahan dunia Islam dan mereka mengiktiraf keilmuannya. Syeikh Mahmud Sa‘id Mamduh mengatakan bahawa gurunya itu seorang yang luas, teliti serta teguh keilmuannya. Terhimpun padanya kedinamikan hujah nas dan hujah akal, seorang *al-muhaddith* (ahli hadis), seorang *al-usuli* (pakar usul fekah), seorang *al-nahwi* (pakar ilmu nahu), seorang *al-mantiqi* (pakar ilmu mantik) dan beliau diibaratkan seperti laut yang luas dan dalam pada ilmunya” (Sa‘id Mamduh, 2013). Seterusnya, Syeikh Muhammad ‘Awwamah dan Syeikh Khair Ramadan Yusuf mengiktiraf beliau sebagai seorang yang *‘alim ‘allamah* (bepengetahuan yang sangat luas), *bahith muhaqqiq* (pengkaji ilmu yang teliti dan *muhammad hafiz* (pakar hadis dan menghafaznya) (al-Ghalbazuri, 2001). Selain itu, Syeikh Muhammad ‘Awwamah juga menyebutkan di dalam tahkiknya bahawa ‘Abdullah al-Ghumari layak dan termasuk dalam kalangan *al-hafiz* pada era moden ini berikutan penguasaannya tentang rangkaian sanad dan teks hadis yang menyeluruh (al-Suyuti, 2016). Oleh yang demikian, jelaslah bahawa beliau merupakan seorang menguasai banyak bidang ilmu Islam merujuk kepada pengiktirafan ulama terhadap dirinya. Perkara ini menjadi batu asas kepada gerak kerja penulisannya sebagai seorang ulama yang prolific.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Legasi Karya dan Penulisan

‘Abdullah al-Ghumari dikatakan telah menulis lebih kurang 100 buah karya peribadi termasuk penulisan-penulisan umum beliau dalam bentuk kitab,

risalah, makalah dan kata pendahuluan (*muqaddimah*) pada karya tertentu. Pada tahun 2016 telah diterbitkan sebuah ensiklopedia yang memuatkan semua karya cAbdullah al-Ghumari dalam segenap bidang ilmu Islam dan penulisan beliau yang terhimpun sebanyak 18 jilid yang dinamakan *Mausu'ah al-cAllamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Syarif cAbdullah bin Muhammad bin Siddiq al-Ghumari al-Hasani*. Projek pengumpulan manuskrip karya dan penulisan cAbdullah al-Ghumari telah diterajui dan diselesaikan oleh anak murid beliau sendiri iaitu Syeikh Mahmud Sa'id Mamduh (al-Ghumari, 2016).

Bakat pengkaryaan dan penguasaan ilmu cAbdullah al-Ghumari telah terbit seawal usianya lingkungan 20 tahun. Beliau telah menulis huraian (*sharah*) bagi *Matan al-Ajurrumiyyah* dan hasilnya telah diselia dan diperbaiki oleh bapanya. Seterusnya, karya itu diberikan nama oleh abang kandung beliau dengan nama *Tashyid al-Mabani li Taudih ma Hawathu al-Ajurrumiyyah min al-Haqaiq wa al-Ma'ani* (al-Ghumari, 2016). Selain daripada mensyarahkan matan ilmu, cAbdullah al-Ghumari juga telah meringkaskan karya ulama terdahulu iaitu *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilmi al-Wusul* karya Imam al-Syaukani (al-Ghalbazuri, 2001). Langkah pertama beliau meniti perjalanan menjadi seorang ulama yang prolific telah mendapat bimbingan, sokongan dan perhatian yang cukup baik daripada keluarga beliau berikutan minatnya yang mendalam dalam dunia penulisan.

Pola penghasilan karya cAbdullah al-Ghumari dilihat meningkat setelah beliau memulakan perjalanan ilmunya ke Mesir dan seterusnya lebih rancak setelah beliau menerima pengiktirafan oleh Universiti al-Azhar dengan memperolehi dua sijil iaitu *al-Shahadah al-cAlamiyyah li al-Ghuraba'* dan *al-Shahadah al-cAlamiyyah al-Azhariyyah*. Terdapat dua faktor yang menjadi sebab cAbdullah al-Ghumari menduduki peperiksaan untuk memperolehi dua sijil tersebut. Pertama, faktor saranan anak murid beliau sendiri yang kagum melihat penguasaan ilmunya kerana beliau merupakan individu terawal yang mengajarkan kitab *Sharah Makudi cala Alfiyyah Ibn Malik* di Mesir. Kedua, faktor sijil yang merupakan batu loncatan agar penulisan karyanya lebih diyakini masyarakat dan penyebaran manfaatnya lebih meluas (al-Ghumari, 2016).

Sejurus selepas itu, cAbdullah al-Ghumari lebih proaktif dalam menerbitkan penulisannya. Sifat inklusif dan responsif yang ada pada diri beliau mewujudkan interaksi dua hala yang baik dengan masyarakat awam dalam penghasilan karya-karya yang sifatnya membumi dan bermanfaat. Beliau telah menyebutkan di dalam memoirnya *Sabil al-Taufiq* tentang sebab penulisan sesuatu karya, antaranya adalah atas permintaan atau persoalan yang diajukan. Sebagai contoh, apabila ditanya tentang permasalahan tawassul, cAbdullah al-Ghumari menjawabnya dalam bentuk

penulisan kitab iaitu *Ittihaf al-Azkiya' bi Jawaz al-Tawassul bi al-Anbiya' wa al-Awliya'*. Kemudian, sahabat beliau yang bernama Syeikh Muhammad 'Imarah telah memintanya untuk menulis suatu karya yang membahaskan tentang permasalahan *karamah*. Maka beliau menulis sebuah kitab yang diberi nama *al-Hujaj al-Bayyinat fi Ithbat al-Karamat*. Selain itu, 'Abdullah al-Ghumari juga ada menulis sebuah kitab tentang zikir atas permintaan Syeikh Mustafa al-Ja'fari ketika permusafiran beliau ke Iskandariah. Beliau meminta al-Ghumari menulis secara ringkas tentang selawat al-Masyisyiah. Maka 'Abdullah al-Ghumari menerima permintaan tersebut dan menulis jawabannya di dalam sebuah kitab yang diberi nama *al-Ma'arif al-Dhauqiyyah fi Adhkar al-Tariqah al-Siddiqiyyah* (al-Ghumari, 2016).

Peranan dakwah dan interaksi dengan golongan belia dizahirkan oleh 'Abdullah al-Ghumari dalam kehidupan sehariannya melalui soalan daripada pemuda bernama Tahir Muhammad yang bertanyakan tentang permasalahan onani menurut neraca Islam. 'Abdullah al-Ghumari sebagai seorang individu yang tidak meminggirkan suara anak muda terus menjawab persoalan tersebut dalam sebuah makalah di dalam Majalah *al-Islam* dan disusuli dengan penulisan sebuah kitab secara tuntas tentangnya yang diberi nama kitab *al-Istiqsa' li Adillat Tahrim al-Istimna'* (al-Ghumari, 2016). Walaupun membincangkan perkara tersebut secara umum masih dilihat 'taboo' dan keji dalam kalangan masyarakat, 'Abdullah al-Ghumari tetap komited menjawab dan mengulas persoalan tersebut secara ilmiah agar kebenarannya tidak terabai dan implikasi negatifnya tidak diambil mudah. Sikap proaktif 'Abdullah al-Ghumari dalam menjawab persoalan masyarakat sedikit sebanyak membantu menyelesaikan isu-isu sosial khususnya dalam kelompok remaja.

Selain itu, kolaborasi di antara beliau dengan beberapa syarikat percetakan buku juga dilihat membuahkan hasil penulisan ilmiah yang bermanfaat. Syarikat Dar al-Ta'alif meminta 'Abdullah al-Ghumari untuk menulis tentang kisah para nabi dengan pendekatan yang lebih jelas dan menarik. Lantaran daripada permintaan itu, beliau menulis tentang kisah Nabi Adam A.S, Idris A.S dan Harut Marut (al-Ghumari, 2016). Suatu peristiwa yang menakjubkan adalah apabila beliau menulis beberapa karya ketika dimasukkan ke dalam penjara pada zaman pemerintahan Jamal 'Abdul Nasir selama 11 tahun bermula 15 Disember 1959 sehingga 26 Disember 1969 (Farouk Hamadah, 2006). 'Abdullah al-Ghumari menulis karya ketika itu dalam keadaan susah dan kekurangan sumber rujukan. Beliau hanya bergantung kepada ilmu yang beliau hafal dalam dada sahaja. Beliau menyatakan di dalam *Sabil al-Taufiq* bahawa:

“Maka, aku telah menulis di dalam penjara dalam keadaan kesusahan dan kesempitan beberapa buah kitab, antaranya

ialah *Fadail al-Nabi fi al-Quran*, *Nafhat al-Ilahiyyah fi Salah* ^c*ala Khair al-Bariyyah*, *Samir al-Salihin*, *al-Qaul al-Masmu* ^c*fi al-Hijr al-Masyru* ^c, *Jawahir al-Bayan fi Tanasub Suwar al-Quran*, *Bida* ^c*al-Tafasir*, *Tamam al-Minnah fi Bayan al-Khisal al-Mujibah li Jannah*, *Khawatir Diniyyah*, *al-Ahadith al-Mukhtarah*, *al-Kanz al-Thamin fi Ahadith al-Nabi al-Amin*, semua kitab ini dicetak dan mendapat respon penerimaan yang baik dalam kalangan pembaca-*Alhamdulillah*. Namun, aku tidak terlalu bersetuju dan merelakan kitab *al-Kanz al-Thamin* kerana ketika itu aku menulisnya dalam keadaan aku kesempitan dan ketiadaan rujukan, maka terdapat beberapa hadis daif padanya, lalu al-Albani telah mengkritiknya. Selain itu, aku juga ada mengarang kitab *Ittihaf al-Nubala' bi Fadl al-Syhadah wa Anwa* ^c*al-Syuhada'* dalam tempoh aku dipenjara yang mana ia juga suatu nikmat kurniaan Allah SWT agar aku dapat mengarang kitab yang banyak” (al-Ghumari, 2016).

Ini merupakan ujian dan mehnah yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan seseorang tokoh besar. Namun, peranannya sebagai ulama yang prolific tidak melunturkan semangatnya dalam penulisan. Dapat dirumuskan bahawa cAbdullah al-Ghumari mempunyai minat dan kesungguhan dalam melakukan penulisan karya sehingga beliau tetap menulis meskipun dikurung dalam penjara. Tambahan pula, beliau mempunyai penguasaan ilmu yang kukuh di samping hafalannya yang baik dan keduanya itu menjadi asas terhasilnya penulisan dan pengkaryaan yang pelbagai.

Pujian Ulama Terhadap Penulisan

Kompetensi cAbdullah al-Ghumari sebagai seorang penulis telah diperakui oleh ahli ilmu di zamannya. Kedinamikan gaya penulisan beliau bervariasi dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Antara faktor yang menjadi asas kepada perkara tersebut ialah (1) latar pendidikan cAbdullah al-Ghumari yang mendapat tarbiah ilmu daripada ramai ulama, (2) keluasan skala pembacaannya (*mutala* ^c*ah*) yang merangkumi karya ulama silam dan ulama yang sezaman dengannya yang kemudiannya sedikit sebanyak mempengaruhi gaya penulisannya.

Antara pujian yang diberikan terhadap karya kesarjanaan cAbdullah al-Ghumari adalah daripada abang kandungnya sendiri yang bernama Sayyid Ahmad al-Ghumari dengan katanya “Apabila aku membaca risalah engkau yang berjudul *Nihayah al-Amal*, maka aku merasakan uslub dan pena engkau seperti uslub dan penanya Imam al-Dhahabi” (al-Ghumari,

2016). Seterusnya, Syeikh Mahmud Shuwail, Imam Masjid Nabawi pernah menulis surat kepada ‘Abdullah al-Ghumari dan meluahkan perasaannya, “Aku merasakan bahawa ilmu hadis telah pupus di Mesir selepas zaman Syeikh Rasyid Rida dan Syeikh Ahmad Syakir, tetapi selepas aku mengamati makalah engkau di dalam Majalah *al-Islam*, maka ketika itu aku tahu bahawa ilmu hadis belum pupus. Pada pandanganku engkaulah yang ketiga selepas mereka” (al-Ghumari, 2016). Di samping itu, Syeikh Muhammad al-Ghazali telah mendalami karya penulisan ‘Abdullah al-Ghumari, maka natijahnya adalah beliau mengakui akan kejaguan al-Ghumari dalam aspek ilmu hadis dan ia mendatangkan manfaat ilmu yang sangat bernilai (al-Ghazali, 2003). Selain itu, Farouk Hamadah (2006) menyatakan tentang gurunya itu bahawa “‘Abdullah al-Ghumari telah menulis sejumlah besar karya yang terkenal dan ia telah tersebar luas dalam kalangan masyarakat di Timur dan Barat. Penulisan beliau mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan ahli ilmu sama ada pihak yang menyetujui beliau ataupun pihak yang menyelisihinya” Oleh kerana itu, faedah dan nilai yang terdapat di dalam karya dan penulisan ‘Abdullah al-Ghumari perlu diberi perhatian dan digarap semaksima mungkin berikutan daripada pengiktirafan para tokoh yang diberikan pada penulisannya.

Tema dan Kategori Penulisan

Di sebalik pengkaryaan ‘Abdullah al-Ghumari yang pelbagai, beliau mempunyai sebab yang melatari dan tujuan tertentu yang mendorong kepada terhasilnya sesuatu karya. Antara tujuan beliau mengarang sesuatu karya adalah untuk:

- i. Menegah perkara-perkara mungkar dan tidak akan berdiam diri dengannya.
- ii. Menyingkap atau membongkar kebatilan sebahagian dakwaan-dakwaan yang salah dan menjelaskan kebenaran agama Allah SWT.
- iii. Memberi sumbangan dalam usaha memerangi orientalis dan mengambil cakna tentang pandangan mereka yang mengelirukan dalam mengkritik al-Quran dan al-Sunnah.
- iv. Memberi khidmat terhadap khazanah nabawiyyah dan membersihkannya daripada penisbahan riwayat yang palsu yang datang daripada pihak-pihak yang melampau (al-Jabbari, 2011).

Beliau merupakan seorang ulama yang progresif dalam menjelaskan kebenaran agama Islam melalui penulisan dan dilihat serius dalam membendung kemungkaran serta salah faham agama yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu. Apabila diperhalusi dan diteliti pada beberapa karya

cAbdullah al-Ghumari, maka dapat dibahagikan perkaryaan beliau kepada beberapa kategori atau konteks tertentu:

1. Penulisan tentang Asas dalam Sesuatu Ilmu

Penulisan beliau dalam kategori ini adalah memberi pengkhususan dan penekanan terhadap asas-asas dalam sesuatu bidang ilmu Islam. Ia juga berkaitan dengan penulisan yang berbentuk penghuraian usul dalam sesuatu permasalahan ilmiah dan dibentangkan bersama hujah dan dalil. Kitab *Bida' al-Tafasir* adalah antara karya yang menghuraikan tentang asas dan kaedah tafsir yang tidak patut diabaikan oleh seorang ahli tafsir (al-Ghumari, 2016). Terbitnya kitab ini adalah disebabkan kekusaran cAbdullah al-Ghumari terhadap perkembangan aliran tafsir moden pada zamannya. Seterusnya, faktor beliau termotivasi untuk menulis kitab ini adalah untuk menjernihkan kitab-kitab tafsir daripada kesalahan dan menjelaskan semula asas ilmu tafsir yang kebanyakannya telah diabaikan oleh sebahagian ahli tafsir (*mufasssir*) (Nurul Ulya, 2019). Terdapat kitab lain yang turut sama terangkum dalam kategori ini seperti kitab *Khawatir Diniyyah*, *Husnu al-Tafahhum wa al-Dark li Mas'alat al-Tark*, dan *Taujih al-Inayah li Ta'rif 'Ilmi al-Hadith Riwayah wa Dirayah*. Pengkaryaan dalam ilmu asas Islam sangat penting dalam membentuk pengetahuan masyarakat agar ia mampu menjadi tapak yang kukuh dan seterusnya menjadi persediaan sebelum memasuki perbahasan ilmu yang lebih rumit dan kompleks.

2. Penulisan Jawapan bagi Sesuatu Persoalan dan Penulisan atas Permintaan Orang Sekeliling

Sebagai seorang tokoh yang berpengaruh di Mesir, cAbdullah al-Ghumari telah didatangi oleh murid dan masyarakat awam untuk mengajukan persoalan kepadanya. Jawapan balas dan fatwa beliau bagi persoalan itu dimasukkan dan disebar luaskan di dalam kolum akhbar dan majalah di Mesir. Persoalan yang diajukan kepada beliau mencakupi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu kalam, tafsir, hadis, fiqh dan usul fiqh, tasawuf, sirah, balaghah dan isu permasalahan *khilafiyyah* (al-Ghumari, 2016). Segala soal jawab ini dihipunkan oleh Syeikh Ibrahim Ahmad Syahatah menjadi sebuah kitab yang diberi nama *al-Hawi li al-Fatawa* (al-Ghumari, 2007). Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian persoalan yang dijawab oleh beliau secara berasingan melalui kitab, risalah atau makalah yang khusus dan lengkap seperti *al-Adillah al-Rajihah ala Fardiyah Qiraat al-Fatihah* dan *al-Tansis ala Anna al-Halqa Laisa bi Tanmis*.

Para ulama dan masyarakat pada ketika itu meyakini dengan penguasaan ilmu yang ada pada diri cAbdullah al-Ghumari. Mereka meminta beliau menulis kitab-kitab dalam topik dan perbahasan yang tertentu.

Sebagai contoh, Syeikh Sulaiman al-Wakil yang merupakan pemilik syarikat percetakan di Mesir adalah antara individu yang mempelawa ‘Abdullah al-Ghumari untuk bekerjasama menghasilkan karya-karya Islam yang bermutu. Oleh kerana itu, beliau menulis beberapa kitab semisal *Samir al-Salihin*, *Fadail al-Quran*, *Husnu al-Bayan fi Lailat al-Nisf min Sya‘ban* dan *Ghayat al-Ihsan fi Fadl Ramadan* (al-Ghumari, 2016). Potensi dan kompetensi ‘Abdullah al-Ghumari telah menarik perhatian syarikat-syarikat penerbitan untuk bekerjasama dengan beliau untuk mengembangkan lagi penulisan dalam lapangan ilmu Islam.

3. Kritikan terhadap Sesuatu Kitab atau Fatwa

Di dalam Islam, lingkung ijtihad dalam berfatwa tidak dapat terhindar daripada kesalahan dan kritikan. ‘Abdullah al-Ghumari amat cakna terhadap kesalahan dan penyelewengan dalam sesuatu kitab. Sifatnya yang kritis dalam menelaah serta menekuni karya ulama silam dan kontemporari mendorong beliau untuk mendatangkan komentar atau kritikan terhadap karya-karya tersebut. Ini dapat dilihat apabila beliau membaca dan mengamati keseluruhan kitab *al-Qaul al-Mubin fi Hukm Dua’ wa Nida’ al-Mauta min al-Anbiya’ wa al-Salihin* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Mukhaimir. Beliau mendapati perbincangan kitab tersebut mengandungi banyak kesalahan yang merangkumi aspek tafsir, hadis, fiqh, usul al-fiqh dan akidah. Ini berpunca daripada kelemahan pengarangnya menguasai ilmu Syariah. Di samping itu, terdapat juga di dalamnya beberapa penyelewengan dalam menaqalkan pendapat para ulama. Oleh kerana itu, ‘Abdullah al-Ghumari telah menulis sebuah kitab yang mengkritik dan menolak kitab tersebut dengan nama *al-Radd al-Muhkam al-Matin ‘ala Kitab al-Qaul al-Mubin*. Kitab ini juga merupakan karya yang penting dalam memahami penolakan terhadap kelompok Wahabiyyah dan di dalamnya penuh dengan perbincangan ilmiah yang berfaedah (al-Jabbari, 2011).

Seterusnya, ‘Abdullah al-Ghumari juga pernah diminta oleh Syeikh ‘Abdul Majid al-Labban (Dekan Kuliyyah Usuluddin, Universiti Al-Azhar) untuk menjawab kekeliruan kitab *al-Radd al-Darimi ‘ala Bisyr al-Marisi* yang mengandungi fahaman *tajsim* dan *tasybih*. Ia berikutan kitab ini dicetak dan disebar luaskan di Mesir selepas ulama al-Azhar tidak berhasil menyingkap kebatilan yang terdapat dalam kitab tersebut. ‘Abdullah al-Ghumari yang masih muda ketika itu hadir untuk menjawab kebatilan tersebut dalam bentuk penulisan risalah dan berhasil menghalang kitab tersebut daripada disebar luaskan (al-Ghumari, 2016). Selain itu, ‘Abdullah al-Ghumari mempunyai ketegasannya yang tersendiri apabila berinteraksi dengan tokoh tertentu yang dizahirkan melalui beberapa karyanya. Antara tokoh yang dilihat kontradik dengan ‘Abdullah al-Ghumari ialah Syeikh

Nasiruddin al-Albani sehingga beliau mengarang dua buah kitab khusus untuk menolak pandangan (*refutation*) al-Albani iaitu kitab *Irgham al-Ghabi bi Jawaz al-Tawassul bi al-Nabi* dan kitab *al-Radd al-Muqni^c fi al-Radd ^cala al-Albani al-Mubtadi^c*. Walau bagaimanapun perbezaan pandangan dalam sesuatu isu tidak meruntuhkan kedinamikan budaya ilmiah pada diri kedua-dua tokoh ini (al-Jabbari, 2001).

Sebagai seorang tokoh yang konsisten dan teguh dalam memperjuangkan penghujahan ilmiah, cAbdullah al-Ghumari tidak teragak-agak mengkritik dan memberi komentar terhadap sesuatu fatwa walaupun ia datang daripada ilmuan yang masyhur semisal Syeikh Mahmud Syaltut, al-Ustadh Muhammad al-Bahi dan Syeikh Nasiruddin al-Albani. Sebagai contoh pada ketika itu, telah tersebar fatwa Syeikh Mahmud Syaltut di Mesir yang menjawab persoalan daripada kelompok Qadiyani tentang penurunan Nabi Isa A.S dan beliau mengingkari perkara tersebut. Lantaran itu, cAbdullah al-Ghumari mengarang dua buah kitab khusus untuk mengkritik fatwa tersebut iaitu kitab *Iqamat al-Burhan ^cala Nuzul ^cIsa fi Akhir al-Zaman* dan disusuli dengan kitab *cAqidah Ahl al-Islam fi Nuzul ^cIsa ^cAlaih al-salam* (al-Ghumari, 2016). Di samping itu, cAbdullah al-Ghumari telah memberi respon terhadap pemikiran yang mengatakan tasawuf merupakan sesuatu yang asing dan ganjil dalam Islam. Sebagai seorang tokoh yang cenderung kepada aliran hadis dan tasawuf, beliau bertanggungjawab untuk menjawab dakwaan tersebut dengan mengarang kitab *al-I^clam Bi Anna Tasawwuf min Syari^cat al-Islam* untuk membidas fatwa dan pemikiran tersebut (al-Ghumari, 2016).

4. Menjawab Permasalahan Semasa

Terdapat beberapa isu dan permasalahan masyarakat yang melatari kehidupan cAbdullah al-Ghumari. Pada tahun 1953M telah berlaku banyak kes bunuh diri dalam kalangan belia dan remaja di Mesir. Mereka nekad untuk terjun ke dalam Sungai Nil disebabkan beberapa masalah dalam kehidupan seperti masalah penceriaan, putus cinta dan gagal dalam peperiksaan. Oleh kerana itu, beliau bertanggungjawab untuk memberi pencerahan terhadap isu tersebut daripada kaca mata Islam dengan mengarang kitab *Qam^cu al-Ashrar ^can Jarimat al-Intihar* (al-Ghumari, 2016). Dengan penulisan kitab tersebut, maka telah terbukti kecaknaan cAbdullah al-Ghumari dalam memberi solusi untuk membendung gejala bunuh diri yang berlaku dalam komunitinya.

Seterusnya, antara isu yang kerap berlaku di Maghribi pada ketika itu pula adalah isu pengambilan anak angkat (*al-tabanni*) tanpa mengikut garis panduan syarak. Anak-anak tersebut diambil daripada rumah perlindungan anak yatim dan hospital dan seterusnya dinasabkan kepada lelaki yang bukan daripada bapa kandung mereka. Permasalahan tersebut

cuba dirungkai dan diselesaikan oleh ^oAbdullah al-Ghumari dengan penulisan kitab *Umniyyah al-Mutamanni fi al-Tahrim al-Tabanni* (al-Jabbari, 2011). Beliau menjadikan penulisan sebagai medium penyampaian dakwah dalam menghuraikan simpulan konflik pada beberapa siri permasalahan sosial yang melanda masyarakat seperti isu merokok, isu onani dan pelbagai lagi (Suheil Laher, 2007).

^oAbdullah al-Ghumari diketahui sebagai seorang yang lantang dan vokal dalam mengkritik permasalahan sosial yang melatari masyarakat ketika itu. Ini dapat dilihat apabila tersebarnya penulisan Salman Rushdie yang mengkritik Nabi Muhammad SAW di dalam novel *Satanic Verses (al-Ayat al-Shaitaniyyah)*. Sebagai seorang yang komited dalam membela kemuliaan Rasulullah SAW, beliau maju ke hadapan menulis sebuah kitab yang memberi ancaman terhadap mana-mana pihak yang menghina atau merendah-rendahkan Rasulullah SAW yang diberi nama *Saif al-Battar li man Sabba Nabi al-Mukhtar* (al-Ghumari, 2016). ^oAbdullah al-Ghumari memainkan peranan yang cukup penting dalam menyampaikan kebenaran melalui penulisan sama ada dalam konteks penerangan mahupun kritikan ilmiah khusus terhadap permasalahan semasa tanpa mengira batas sempadan dan benua.

5. Komentar dan Koreksi Terhadap Karya Lain

Khidmat terhadap karya dan penulisan ulama merangkumi kepada usaha menghuraikan dan meringkaskan sesuatu kitab, mendatangkan komentar dan mendatangkan koreksi. ^oAbdullah al-Ghumari telah meneliti tiga buah karya ulama silam secara mendalam dan menilainya dengan penilaian yang kritis, iaitu kitab *al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid* karya Ibn ^oAbd al-Bar, *Tahqiq Kalimah al-Ikhlash* karya al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali dan *Syifa' al-Gharam bi Akhbar al-Balad al-Haram* karya al-Taqi al-Fasi. Hasil daripada analisis beliau terhadap ketiga-tiga buah kitab itu, beliau mendapati pentahkik kitab-kitab tersebut memasukkan dalam pentahkikan dan komentar mereka dengan fakta yang salah dan mengelirukan masyarakat.

Oleh kerana itu, ^oAbdullah al-Ghumari terpanggil untuk membahaskan dan mengkoreksi perkara tersebut di dalam kitab yang khusus terhadap karya ulama tersebut iaitu *Tanbih al-Bahith al-Mustafid ila ma fi al-Ajza' al-Matbu'ah fi al-Tamhid, Asbab al-Khalas min al-Auham al-Waqi'ah fi Tahqiq Kalimat al-Ikhlash dan al-Akhta' al-Jasam al-Waqi'ah fi Tahqiqat Syifa' al-Gharam* (al-Jabbari, 2011). Selain itu, ^oAbdullah al-Ghumari juga mengemukakan komentar, kritikan ilmiah dan koreksi terhadap kitab *al-Itqan* karya Imam al-Suyuti berikutan pada pandangan beliau dalam kitab tersebut terdapat beberapa pandangan yang ganjil (*shadh*) dan riwayat yang bermasalah dengan mengarang kitab *al-Ihsan fi Ta'qqub*

al-Itqan untuk tujuan tersebut (al-Jabbari, 2011). Kecaknaan dan koreksi cAbdullah al-Ghumari terhadap sesuatu karya silam telah mendatangkan faedah dan manfaat yang baru buat tatapan pembaca seterusnya menjadikan turath Islam ini kekal segar dan relevan dalam aliran perkembangan ilmu semasa.

KESIMPULAN

Penulisan merupakan metode yang penting dan ampuh dalam menyampaikan idea dan ilmu serta membantu menyelesaikan permasalahan semasa. Penghasilan karya yang bermutu memainkan peranan yang cukup penting dalam mengubati barah yang terdapat dalam masyarakat. Justeru, kajian ini cukup penting dalam memberikan gambaran keberkesanan dan relevansi dakwah dengan penulisan dalam memugar keilmuan masyarakat. cAbdullah al-Ghumari dilihat memainkan peranan yang cukup penting dalam perkembangan penulisan dakwah Ahli Sunnah wal Jamaah, khususnya dalam mencorakkan landskap pengkaryaan Islam di Maghribi dan Mesir pada era kurun ke 19. Penulisannya yang meliputi pelbagai bidang keilmuan Islam telah melayakkan beliau digelar tokoh prolifik. Selain itu, berperanan sebagai juru bicara umat yang sentiasa proaktif dalam menjawab persoalan masyarakat, mengkritik kesalahan dalam nada ilmiah dan membela umat Islam daripada tergelincir ke dalam fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Hasilnya cAbdullah al-Ghumari mengeluarkan lebih 100 buah karya penulisan mencakupi semua bidang keilmuan Islam seperti tafsir, hadis, fiqh, usul al-fiqh, akidah, tasawuf dan bahasa. Sebagai lanjutan daripada hasil artikel ini, dapat dilihat bahawa kajian mengenai karya cAbdullah al-Ghumari masih lagi berada pada tahap yang minima dan perlu kepada usaha kolektif dalam kalangan pengkaji untuk menelusuri kandungannya secara kritis. Seterusnya, kajian ini mendapati cAbdullah al-Ghumari yang diangkat sebagai tokoh yang prolifik ini sangat wajar untuk diketengahkan dalam kalangan ahli akademik dan masyarakat di Malaysia.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2017. *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Cetakan Kedua. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2014. Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah. *Al-Hikmah*. 6(2) 2014: 78-90.
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fatah. 2010. *al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah*. Cetakan Keempat. Beirut, Lubnan: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Ghalbazuri, Nusaibah. 2001. *'Abdullah bin al-Siddiq al-Ghumari : Juhuduhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran*. Tesis Peringkat Doktor Falsafah. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi.
- Al-Ghazali, Muhammad. 2003. *Turathuna al-Fikri fi Mizan al-Syara' wa al-'Aqal*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Ghumari, 'Abdullah bin Siddiq. 2007. *al-Hawi li al-Fatawa al-'Allamah al-Hafiz Abu al-Fadl 'Abdullah bin Siddiq al-Ghumari (Jama'ahu : Ibrahim Ahmad Syahatah)*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li Turath.
- Al-Ghumari, 'Abdullah bin Siddiq. 2016. *Mausu'ah al-'Allamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Syarif 'Abdullah bin Muhammad bin Siddiq al-Ghumari al-Hasani*. Cetakan Kedua. Kaherah-Iskandariah: Dar al-Salam.
- Al-Jabbari, Abdullah. 2011. *al-Ijtihad al-Fiqhi 'Inda al-Hafiz 'Abdullah bin Siddiq al-Ghumari al-Hasani*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Suyuti, Jalaluddin 'Abd al-Rahman. 2016. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Muhammad 'Awwamah (tahqiq). Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Farouk Hamadah. 2006. *'Abdullah bin Siddiq al-Ghumari al-Hafiz al-Naqid*. Makalah : *'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun Lamahat Hayatihim wa Ta'rif bi Muallafatihim*, Edisi 29. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mahmud Sa'id Mamduh. 2013. *Tasynif al-Asma' bi Syuyukhi al-Ijazah wa al-Sama'*. Cetakan Kedua. Kaherah: Dar Kutub al-Misriyyah.
- Mohd Muhiden Abd Rahman. 2004. Sejarah Penulisan dan Pembukuan Hadith : Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin*. 19: 115-138.
- Nurhafiza Hamzah, Anuar Mustafha & Halimi M.Khalid. 2014. Asas Penulisan dan Pembukuan Menurut Perspektif Islam: Implikasi

- Terhadap Dakwah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN 2014)* Batu Pahat, Johor, 9-10 April 2014. Universiti Tun Hussien Onn.
- Nurul Ulya Fahmi Zakiyyah. 2019. *Bid'ah Dalam Penafsiran Al-Quran: Kajian Atas Pemikiran Abdullah al-Ghumari*. Tesis Sarjana Ilmu al-Quran dan Tafsir, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia.
- Suheil Ismail Laher. 2007. *A Twentieth-Century Mujtahid: Syakh Abdullah Al-Ghumari*. Tesis Sarjana. Graduate School of Arts And Sciences. Boston University, Massachusetts, United States.
- Zafir bin Hasan 'Ali Jab'an. 2011. *al-Da'wah Ila Allah bi al-Kitabah*. Cetakan Pertama. www.aljebaan.com.

Senarai Pengarang:

Muhammad Zulhelmi Sidek (Penulis Penghubung)
Calon Sarjana
Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi
Selangor.
E-mel: zulhelmisidek1996@gmail.com

Prof. Madya Dr. Latifah Abdul Majid
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi
Selangor.